

Kedutaan nafikan wujudnya 40,000 pengundi hantu Bangladesh semasa PRU13
Malaysian Insider
June 3, 2013
Oleh Md Izwan

KUALA LUMPUR, 3 Jun — Kedutaan Bangladesh hari ini menafikan wujud pengundi hantu daripada kalangan rakyat negara itu pada pilihan raya umum 5 Mei lalu, walau bagaimanapun mengakui terdapat pemberian kad pengenalan (IC) melalui proses secara sah.

Dalam sidang media hari ini, Pesuruhjaya Tinggi AKM Atiqur Rahman berkata dakwaan kehadiran 40 ribu pengundi warga tersebut adalah tidak munasabah.

"Saya mahu jelaskan di sini ia adalah tidak munasabah laporan mengatakan 40,000 warga Bangladesh datang ke Malaysia dalam tempoh seminggu untuk mengundi pada pilihan raya umum ke-13 lalu.

"Saya juga mahu tegaskan tidak menerima maklumat tentang warga Bangladesh mengundi secara salah atau jahat," kata Atiqur.

Menurut Atiqur lagi, dakwaan tersebut adalah palsu dan bertujuan untuk kepentingan politik semata-mata pihak tertentu untuk meraih sokongan sehingga mencalar imej hubungan antara kerajaan Bangladesh dan Malaysia.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kedutaan-nafikan-wujudnya-40000-pengundi-hantu-bangladesh-semasa-pru13/>